
P.U. (A) 136.**AKTA KOPERASI 1993****PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (SUBSIDIARI) 2010**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan tarikh berkuat kuasa
2. Syarat dalam takrif “Subsidiari” dalam Akta terpakai
3. Permohonan untuk menubuhkan dsb. Subsidiari
4. Terma dan syarat
5. Laporan kedudukan
6. Peruntukan kecualian dan peralihan

AKTA KOPERASI 1993

PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (SUBSIDIARI) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 86(2)(s) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan tarikh berkuat kuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Koperasi (Subsidiari) 2010**.

Syarat dalam takrif “Subsidiari” dalam Akta terpakai

2. Walau apa pun yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini, tafsiran “Subsidiari” seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta hendaklah terpakai dalam menubuhkan apa-apa subsidiari.

Permohonan untuk menubuhkan dsb. Subsidiari

3. Koperasi hendaklah mengemukakan permohonan bagi membentuk, mempunyai, memperoleh atau menubuhkan suatu subsidiari kepada Suruhanjaya untuk kelulusan dalam borang yang dibekalkan oleh Suruhanjaya.

Terma dan syarat

4. (1) Suatu subsidiari yang dibentuk, dipunyai, diperoleh atau ditubuhkan oleh suatu koperasi, menurut subseksyen 19(1) Akta, adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

- (a) subsidiari itu hendaklah menjalankan aktiviti yang tertentu di bawah mana-mana undang-undang;
- (b) subsidiari itu hendaklah memajukan aktiviti perniagaan koperasi;
- (c) subsidiari itu hendaklah menjana pendapatan dan manfaat bagi anggotanya; dan
- (d) Lembaga Pengarah subsidiari hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
 - (i) tidak lebih daripada satu pertiga jumlah anggota Lembaga koperasi; dan
 - (ii) anggota yang dilantik daripada kalangan anggota dan bukan anggota koperasi.

(2) Jika koperasi mempunyai wang lebihan, wang itu boleh dilaburkan dalam subsidiari.

(3) Apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh subsidiari tidak boleh dipindahkan kepada koperasi.

Laporan kedudukan

5. Lembaga Pengarah subsidiari hendaklah membentangkan laporan kedudukan subsidiari itu kepada Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Peruntukan kecualian dan peralihan

6. (1) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, peruntukan Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi subsidiari yang dibentuk, dipunyai, diperoleh atau ditubuhkan oleh koperasi sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, kecuali peraturan 3.

(2) Berhubung dengan subperaturan 4(1), mana-mana subsidiari yang dibentuk, dipunyai, diperoleh atau ditubuhkan oleh koperasi sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, yang penubuhannya adalah bertentangan dengan subperaturan itu, hendaklah mematuhi peruntukan subperaturan itu dalam tempoh enam bulan, atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Suruhanjaya, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 23 April 2010
[SKM.IP(AM): 7875; PN(PU²)527/XIII]

DATO' MANGSOR BIN SAAD
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Diluluskan

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

CO-OPERATIVE SOCIETIES (SUBSIDIARY) REGULATIONS 2010

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Condition in definition of “Subsidiary” in Act to apply
3. Application to form *etc.* Subsidiary
4. Terms and conditions
5. Status report
6. Saving and transitional provision

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993**Co-OPERATIVE SOCIETIES (SUBSIDIARY) REGULATIONS 2010**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 86(2)(s) of the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502], the Commission, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. These regulation may be cited as the **Co-operative Societies (Subsidiary) Regulations 2010**.

Condition in definition of “Subsidiary” in Act to apply

2. Notwithstanding anything contain in these Regulations, the definition of “Subsidiary” as provided under section 2 of the Act shall apply in establishing any Subsidiary.

Application to form etc. Subsidiary

3. A co-operative society shall submit an application to form, own, acquire or establish any subsidiary to the Commission for an approval in a form to be furnished by the Commission.

Terms and conditions

4. (1) A subsidiary formed, owned, acquired or established by a co-operative society, pursuant to subsection 19(1) of the Act, shall be subject to the following terms and conditions:

- (a) the subsidiary shall carry out a specific activity under any law;
- (b) the subsidiary shall promote the business activities of the co-operative society;
- (c) the subsidiary shall generate income and benefit to its members; and
- (d) the Board of Director's of the subsidiary shall consist of the following members:
 - (i) not exceeding one third of the members of the Board of the co-operative society; and
 - (ii) members appointed from among members and non-members of the co-operatives society.

(2) Where the co-operative society has surplus funds, the surplus fund may be invested in the subsidiary.

(3) Any liability incurred by the subsidiary shall not be transferred to the co-operative society.

Status report

5. The Board of Directors of the subsidiary shall table a status report of the subsidiary to the Commission as specified by the Commission.

Saving and transitional provision

6. (1) On the date of coming into operation of these Regulations, the provisions for these Regulations are applicable for subsidiary formed, owned, acquired or established by a co-operative society before the date of coming into operation of these Regulations, except regulation 3.

(2) In relation to subregulation 4(1), any subsidiary formed, owned, acquired or established by a co-operative society before the date of coming into operation of these Regulations, which the establishment is contrary with this subregulation, shall comply with the provision of the subregulation within six months, or any extension period permitted by the Commission, after the date of coming into operation of these Regulations.

Made 23 April 2010
[SKM.IP(AM): 7875; PN(PU²)527/XIII]

DATO' MANGSOR BIN SAAD
Executive Chairman
Malaysia Co-operative Societies Commission

Approved

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Minister of Domestic Trade,
Co-operative Societies and Consumerism*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (*Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik*).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA